

PERKAUMAN DAN ETNOSENTRISME DI MALAYSIA

Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada lebih 200 kumpulan etnik. Seperti Melayu, Cina, India, Kadazan-Dusun, Iban dan lain-lain. Dengan penduduk yang pelbagai budaya ini, perpaduan etnik atau sebaliknya sentiasa menjadi agenda dalam pengurusan masyarakat dan pemerintahan negara ini. Wujudnya kepelbagaian budaya, agama dan bahasa dalam kalangan rakyat ini, maka timbulah pelbagai masalah yang melibatkan hubungan etnik.

2.0 Cabaran hubungan etnik

2.1 Cabaran hubungan etnik dari aspek sosial

Pemisahan fizikal ini wujud kesan daripada **dasar ‘pecah dan perintah’** yang diamalkan oleh penjajah British pada masa dahulu yang menyebabkan sesuatu golongan etnik itu **tidak mengenal atau berpeluang untuk berinteraksi dengan lebih kerap** kerana tinggal di wilayah yang berbeza. Keadaan ini seterusnya akan menimbulkan prasangka, stereotaip dan mengekalkan kejahilan dalam kalangan ahli sesuatu golongan etnik terhadap golongan etnik yang lain. Contoh **sistem pendidikan** yang tersendiri dan masih menggunakan sukanan pelajaran yang diamalkan di negara asal mereka. Pelajar Melayu belajar di sekolah Melayu dan menggunakan bahasa Melayu. Orang India pula bersekolah di sekolah Tamil dan menggunakan bahasa Tamil. Manakala bagi pelajar Cina, mereka bersekolah di sekolah Cina dan menggunakan bahasa Mandarin. Keadaan ini menyebabkan interaksi sesama mereka hanya berkisar dalam kalangan etnik yang sama.

Selain itu, kontrak sosial juga kerap dibangkitkan oleh sesetengah pihak. Kontrak sosial merupakan persetujuan yang dicapai semasa kemerdekaan dalam merangka perlombongan. Antara isu yang sering ditimbulkan ialah **kedudukan istimewa orang Melayu, kedudukan agama Islam, bahasa Melayu**, dan sebagainya. Sebarang isu atau kontrak sosial yang dibangkitkan boleh membawa kepada kerenggangan hubungan etnik di Malaysia.

2.2 Cabaran hubungan etnik dari aspek ekonomi

Dasar British yang meletakan kaum berdasarkan kepada pekerjaan menyebabkan **etnik tertentu mendominasi dalam satu-satu bidang pekerjaan**.

*Orang **Melayu**-sektor pertanian, nelayan dan berkhidmat sebagai penjawat awam.

*Orang **Cina**-sektor perniagaan dan perlombongan.

*Orang **India** -buruh di estet.

Perbezaan ini telah menimbulkan rasa **tidak puas hati** dalam kalangan etnik tertentu. Secara tidak langsung, perkara ini memperkuuhkan lagi semangat perkauman.

2.3 Cabaran hubungan etnik dari aspek politik

Setiap **parti politik akan memperjuangkan kepentingan kumpulan etnik yang diwakilinya**. Politik perkauman ini boleh **menimbulkan perasaan tidak senang hati** dan mengukuhkan semangat perkauman jika penyuaraan kepentingan etnik tertentu dibuat tanpa mengambil kira kepentingan semua pihak. Jika isu perkauman seperti bahasa, kebudayaan, pendidikan, agama, kerakyatan dan ekonomi dibangkitkan, maka tindakan ini **tidak akan menyumbang kearah masyarakat yang bersatu padu**.

2.4 Cabaran nilai antara etnik

Setiap kumpulan etnik mempertahankan kebudayaan dan adat resam mereka, mengutamakan etnik mereka dan mungkin juga menganggap kebudayaan mereka sahaja yang terbaik. Hal ini menyebabkan anggota etnik lebih mengutamakan anggota daripada etnik yang sama dalam memilih sahabat, mendapatkan pekerjaan dan natijah akhirnya akan mewujudkan polarisasi antara etnik. Selain daripada itu kewujudan akhbar yang pelbagai bahasa dengan mengutamakan kelompok etnik mereka akan memperkuatkannya lagi perasaan kumpulan etnik masing-masing.

2.5 Cabaran globalisasi

Globalisasi membawa masuk pengaruh dari Barat dari segi ideology, budaya hedonism dan nilai negatif, ekonomi bebas, sains dan teknologi yang memusnahkan dan sistem politik yang dianggap terbaik bagi semua manusia.

Melalui globalisasi, kuasa Barat mengeksport segala macam keburukan yang merosakkan negara dan alam sekitar, budaya hiburan dan sebagainya. Gejala ini mengakibatkan lenyapnya nilai luhur dan pemikiran Barat diterima secara ke dalam masyarakat. Kejayaan mereka ini dibantu oleh masyarakat tempatan yang menganggap segala yang datang dari barat adalah baik dan moden.

3.0 Peranan kerajaan dalam meningkatkan hubungan etnik

3.1 Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 telah membuka mata pelbagai pihak tentang pentingnya usaha-usaha yang lebih serius diberikan tumpuan dalam mengurus perbezaan serta sensitiviti yang terdapat dalam sesebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia. Berikutnya peristiwa tersebut,

- a) Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)
- b) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2006.
- c) Selepas pembubarannya MAGERAN
- d) Majlis Penasihat Perpaduan Negara (23 Februari 1971).

Antara 1990-2004, Jabatan Perpaduan Negara telah diletakkan semula di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan nama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Bermula daripada kemerdekaan sehingga kini, kerajaan telah merangka dan memberi penekanan kepada beberapa dasar dalam bidang sosioekonomi yang menjurus kepada perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum serta integrasi nasional. Dasar-dasar yang dimaksudkan termasuklah Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru. Dasar-dasar tersebut telah diperkuatkannya lagi dengan memperkenalkan Rukun Negara sebagai ideologi kebangsaan.

Tubuhnya Barisan Nasional. Sebagai tindakan susulan dalam memperlengkap dan memperkuatkannya usaha pembentukan bangsa Malaysia., beberapa dasar lain telah dibentuk. Antaranya ialah Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wawasan Negara dan Dasar sosial Negara. JPNIN melalui Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional 2005-2010, telah merancang pelbagai usaha untuk memupuk dan mempertingkatkan perpaduan dan integrasi nasional iaitu:

- Strategi Politik: Persefahaman

- Strategi Ekonomi
- Strategi Pendidikan
- Strategi Penggunaan Bahasa Kebangsaan
- Strategi Agama
- Strategi Kebudayaan

3.2 Memperkasakan sekolah wawasan

Antara langkah yang boleh dijalankan adalah seperti berikut, iaitu:

- Tidak mengetepikan proses penguasaan bahasa ibunda masing-masing dengan memperkenalkan pengajaran bahasa Mandarin dan Tamil.
- Memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan interaksi antara golongan etnik.
- Mengadakan lebih banyak aktiviti antara golongan etnik
- Mengadakan program interaksi antara sekolah dan memasukkan unsur-unsur interaksi etnik dalam kurikulum serta meningkatkan kemahiran berinteraksi dengan golongan etnik lain.

3.3 Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)

PLKN bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda , memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional, membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni, menyemarakkan semangat kesukarelaan, dan melahirkan generasi muda yang lebih cergas, cerdas dan penuh keyakinan.

4.0 Peranan masyarakat dalam konteks hubungan etnik

4.1 Rukun Tetangga

Objektif Rukun Tetangga, iaitu memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar pembangunan negara berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Bagi memastikan matlamat Rukun Tetangga tercapai, beberapa aktiviti dilakukan oleh komuniti Rukun Tetangga yang boleh dikategorikan kepada beberapa bentuk aktiviti seperti berikut:

- **sosial:** amalan kunjung-mengunjung semasa musim perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Hari Gawai, Pesta Keamatan, dan Hari Keluarga.
- **Pendidikan-** pendidikan tidak formal, kolokium jiran wanita, kursus motivasi, kursus kepimpinan, tuisyen, ceramah-ceramah dalam pelbagai bidang.
- **Sukan-** sukan neka, larian, permainan bola sepak, bola baling, bola jaring, sukan air, sukan tradisional, sukan rakyat dan lain-lain.

4.2 Rumah Terbuka

Rumah terbuka akan diadakan oleh setiap rakyat Malaysia apabila tiba musim perayaan. Setiap golongan etnik di Malaysia akan sering kunjung-mengunjungi ke rumah jiran tetangga walaupun berlainan etnik. Sebagai contoh, semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri, etnik Cina, India, Kadazan, Iban dan pelbagai lagi akan mengunjungi ke rumah orang Melayu dan begitulah sebaliknya bagi etnik lain. Etnik Cina misalnya akan berusaha menyediakan makanan yang halal kepada etnik Melayu apabila menjemput etnik Melayu datang ke rumah sewaktu Tahun Baru Cina. Hal ini menunjukkan etnik Cina begitu mengambil berat dan memahami budaya etnik Melayu begitu juga sebaliknya. Amalan ini

membuktikan integrasi sosial dalam kalangan masyarakat begitu tinggi walaupun berlainan agama, bangsa dan kebudayaan.

4.3 Penerimaan Budaya

Dewasa ini, masyarakat bukan Melayu di Malaysia mula menerima budaya orang Melayu dari segi **pakaian dan makanan**. Misalnya, orang bukan Melayu segak menggayakan baju kurung dan baju Melayu terutamanya pada hari Jumaat dan fenomena ini sesuatu yang biasa bagi pelajar bukan Melayu. Bagi orang Melayu pula, mereka mula **menerima masakan** orang Cina dan India serta pemberian duit raya telah menggunakan sampul atau angpau yang terkenal dalam kalangan orang Cina. Dewasa ini juga telah kelihatan di taman-taman perumahan, **terdapatnya penempatan yang sama untuk semua etnik** yang pastinya keadaan ini akan menggalakkan lagi hubungan etnik dalam kalangan rakyat melalui aktiviti setempat.

4.4 Program di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Bahagian hal ehwal pelajar melalui persatuan dan kelab hendaklah sentiasa **menggalakkan aktiviti dan program** yang menjurus kepada perpaduan kaum dalam kalangan mahasiswa. Sebagai contoh, melalui aktiviti **Pesta Tanglung**, yang bukan sahaja melibatkan mahasiswa Cina dan India, tetapi turut juga disertai oleh mahasiswa Melayu. Menyentuh kepimpinan pelajar, ternyata **tidak didominasikan oleh sesuatu kaum sahaja**, tetapi turut sama dianggotai oleh pelbagai kaum seperti dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

5.0 Peranan NGO dalam Konteks Hubungan Etnik

Walaupun terdapat pertubuhan yang berasaskan golongan etnik, namun terdapat pertubuhan induk pada peringkat kebangsaan yang menaungi pertubuhan berasaskan etnik seperti Pertubuhan Belia Malaysia, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Malaysia dan pelbagai lagi. Hal ini sudah tentulah dapat mempercepat lagi proses hubungan etnik melalui peranan yang dimainkan oleh NGO.

Walaupun terdapat **pembahagian pertubuhan mengikut kaum** seperti Pergerakan Belia 4B, Persatuan Belia Tamil, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Dewan Perniagaan Cina Malaysia dan Dewan Perniagaan India Malaysia, namun ini sewajarnya digunakan oleh NGO ini untuk **mewujudkan pelbagai dialog dan seminar dalam usaha memahami permasalahan yang wujud dan dicari jalan penyelesaiannya**. Contohnya, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) sentiasa mengadakan seminar bagi menjelaskan kepentingan hubungan etnik dalam konteks Malaysia.

6.0 Kesimpulan

Hubungan etnik merupakan perkara yang **sangat penting** bagi masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk. Hubungan etnik ini akan melahirkan masyarakat Malaysia yang **harmoni, saling bekerjasama dan hormat menghormati**. Usaha-usaha perlu diambil secara berterusan bagi memastikan hubungan etnik di Malaysia sentiasa berada dalam keadaan yang baik.